

APAKAH CUKAI TAKSIRAN?



- CUKAI TAKSIRAN ATAU CUKAI PINTU ADALAH CUKAI YANG DIKENAKAN TERHADAP SEMUA PEGANGAN BERKADAR DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPJ
- PEGANGAN BERKADAR YANG BOLEH DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN ADALAH SEPERTI KEDIAMAN, KOMERSIAL, TANAH KOSONG, INDUSTRI, PELABUHAN DAN LAPANGAN TERBANG
- TUJUAN CUKAI DIKENAKAN ADALAH UNTUK MEMBIAYAI KOS OPERASI, PENGURUSAN PERKHIDMATAN DAN PEMBANGUNAN YANG DIJALANKAN OLEH PIHAK MAJLIS



TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI PEMBAYAR CUKAI

MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN

- BERTANGGUNGJAWAB MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN UNTUK PEGANGAN ANDA 2 KALI SETAHUN IAITU SEBELUM 28 FEBRUARI DAN SEBELUM 31 OGOS SETIAP TAHUN.

BORANG PENYATA PEMUNYA

- MELENGKAPKAN BORANG PENYATA PEMUNYA DENGAN TEPAT DAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN.

NOTIS PINDAHMILIK/JUALAN (SEK 160(6) AKTA KERAJAAN TEMPATAN

- MEMAKLUMKAN KEPADA MAJLIS BILA PEGANGAN ANDA TELAH DIJUAL ATAU ANDA TELAH MEMBELI HARTANAH DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPJ
- ANDA MESTI MENGISI BORANG I DALAM MASA 3 BULAN SELEPAS PINDAHMILIK



NOTIS PINDAAN NILAIAN & PERUBAHAN NILAI TAHUNAN



JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA BOLEH MEMINDA NILAI TAHUNAN SESUATU PEGANGAN SEKIRANYA SESUATU BANGUNAN DIDIRIKAN, DIUBAH SUAI, DIRUNTUHKAN ATAU DIBINA SEMULA

SATU NOTIS DI BAWAH SEKSYEN 144, AKTA KERAJAAN TEMPATAN AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA PEMILIK HARTA YANG AKAN MEMAKLUMKAN ANDA TERHADAP PINDAAN NILAI TAHUNAN

ANDA DIBERI HAK UNTUK **MEMBANTAH** NILAIAN YANG TELAH DITETAPKAN KE ATAS HARTA ANDA DAN ANDA BOLEH MEMBUAT BANTAHAN BERTULIS KEPADA PIHAK MAJLIS DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN DALAM NOTIS



BAGAIMANA CUKAI TAKSIRAN DITENTUKAN



CONTOH PENGIRAAN CUKAI TAKSIRAN

CONTOH PENGIRAAN BAGI BANGUNAN:

NILAI TAHUNAN	RM 9,900.00
KADAR	X 4%
CUKAI TAKSIRAN	<u>RM 396.00</u>

CONTOH PENGIRAAN BAGI TANAH KOSONG:

NILAI PASARAN TANAH	RM 90,000.00
NILAI TAHUNAN	RM 9,000.00
KADAR	X 4%
CUKAI TAKSIRAN	<u>RM 360.00</u>

BAGI TANAH KOSONG, NILAI TAHUNAN ADALAH 10% DARI NILAI PASARAN TANAH TERSEBUT

- NILAI TAHUNAN DITAKRIFKAN SEBAGAI “ANGGARAN KASAR SEWA TAHUNAN” (SEKSYEN 2 AKTA 171)
- JUMLAH CUKAI TAKSIRAN YANG PERLU DIBAYAR ADALAH BERDASARKAN KADAR PERATUS KE ATAS NILAI TAHUNAN SESUATU PEGANGAN
- PENENTUAN NILAI TAHUNAN KE ATAS HARTA ANDA AKAN DITETAPKAN OLEH JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
- NILAI TAHUNAN BAGI TANAH-TANAH KOSONG ADALAH BERDASARKAN KADAR 10% DARIPADA NILAI PASARAN TANAH TERSEBUT



KADAR BAGI SETIAP JENIS PEGANGAN DI KAWASAN PENTADBIRAN MBPJ

BIL	JENIS PEGANGAN	KADAR
1	KEDIAMAN	4%
2	KEDIAMAN BERTINGKAT (FLAT / APARTMENT & KONDOMINIUM)	3%
3	KEDIAMAN BERTINGKAT KOS RENDAH	2%
4	PANGSAPURI SERVIS	3.5%
5	PERDAGANGAN	5%
6	PERINDUSTRIAN	5%
7	PERTANIAN	2.5%
8	TANAH KOSONG	4%

PEGANGAN MANAKAH YANG DIKECUALIKAN DARIPADA CUKAI TAKSIRAN



- PENGECEUALIAN DARIPADA DIKENAKAN KADAR CUKAI TAKSIRAN ADALAH DI BAWAH PERUNTUKAN SEKSYEN 134 AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN BOLEH MENURUT BUDI BICARANYA MENGECEUALIKAN PEGANGAN BERIKUT DARIPADA MEMBAYAR KADAR SEPERTI :-



- TANAH PERKUBURAN, RUMAH IBADAT DAN SEKOLAH AWAM
- TEMPAT AWAM BAGI MAKSUD KHAIRAT ATAU BAGI MAKSUD SAINS, SASTERA ATAU SENI HALUS DAN BUKAN UNTUK MENDAPATKAN KEUNTUNGAN



BAGAIMANAKAH KADAR CUKAI TAKSIRAN DITETAPKAN?

KADAR CUKAI TAKSIRAN AKAN DITETAPKAN MENGIKUT JENIS HARTANAH YANG DINYATAKAN DI DALAM GERAN SEPERTI KEDIAMAN, KOMERSIAL, PERTANIAN DAN TANAH KOSONG

KADAR CUKAI TAKSIRAN BAGI HARTANAH PERNIAGAAN ADALAH LEBIH TINGGI DARI HARTANAH KEDIAMAN

HARTANAH KEDIAMAN


JENIS HARTANAH KEDIAMAN SEPERTI :-

- RUMAH LANDED (BANGLO, RUMAH TERES, RUMAH BERKEMBAR)
- KONDOMINIUM
- FLAT/APARTMENT

HARTANAH KOMERSIAL

JENIS HARTANAH KOMERSIAL SEPERTI :-

- LOT KEDAI
- PEJABAT
- SERVIS APARTMENT
- SOHO/SOVO/SOFO



MENGENALI GERAN TANAH SEBELUM MEMBELI RUMAH

